

1. Pernyataan berikut berkaitan subbidang perakaunan :

Menyediakan maklumat perakaunan untuk pengguna dalaman

- A Percukaian
- B Pengauditan
- C Perakaunan Kewangan
- D Perakaunan Pengurusan

2. Maklumat berikut menunjukkan ciri-ciri sebuah milikan perniagaan :

- Liabiliti terhad
- Modal dikumpulkan daripada pemegang saham melalui terbitan saham dan langganan saham

Perniagaan manakah yang menepati ciri -ciri tersebut?

- A Saji Oil Bdh
- B Rezeki Enterprise
- C Koperasi SMK Jaya Bhd
- D Salon Kecantikan Alia dan Anna

3. Perbualan berikut adalah antara pemilik perniagaan dengan pekerjaanya.



Apakah prinsip perakaunan yang dipatuhi?

- A Ketekalan
- B Prinsip kos
- C Kos manfaat
- D Usaha berterusan

4. Urus niaga berikut diperoleh daripada Perniagaan Syafiq.

Mengeluarkan cek bernilai RM3 000 kepada Perniagaan Ahmad untuk membayar semua hutang dan menerima diskaun RM200.

Apakah kesan urus niaga tersebut ke atas persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Berkurang	Berkurang	Bertambah
B	Berkurang	Berkurang	Tiada Kesan
C	Bertambah	Tiada kesan	Bertambah
D	Tiada kesan	Berkurang	Berkurang

5. Urus niaga berikut berlaku dalam perniagaan Zali:

Pulangan barang niaga RM300 daripada Koperasi Jaya Murnie Bhd

Apakah catatan bergu urus niaga tersebut?

	Debit	Kredit
A	Pulangan jualan	Koperasi Jaya Murnie Bhd
B	Pulangan jualan	Perniagaan Zali
C	Perniagaan Zali	Pulangan jualan
D	Koperasi Jaya Murnie Bhd	Pulangan jualan

6. Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Lisa Enterprise. Tahun kewangannya berakhir pada 30 Jun 2021.

	RM
Akaun Belum Bayar	2 100
Akaun Belum Terima	5 000
Bank (Overdraf)	2 500
Kenderaan	10 000
Tunai	6 000

Berapakah modal akhir?

- A RM16 400
- B RM20 600
- C RM21 400
- D RM25 600

7. Manakah antara berikut merupakan dokumen bukan sumber?

- I. Invois
- II. Nota Debit
- III. Nota Serahan
- IV. Pesanan Belian

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan IV
- D III dan IV

8. Satu dokumen perniagaan diterima daripada Kedai Alat Tulis Ah Seng. Berikut adalah petikan bahagian butiran dokumen.

Butiran	Jumlah (RM)
25 unit Buku Latihan Prinsip Perakaunan Tingkatan 5 dalam INV2468 bertarikh 10 Mac 2020 yang berharga RM10 seunit terkurang caj RM4 seunit.	100.00
Tolak Diskaun Niaga 10%	10.00
Jumlah	90.00

Apakah buku catatan pertama bagi merekodkan urus niaga tersebut?

- A Jurnal Pulangan Belian
- B Jurnal Pulangan Jualan
- C Jurnal Belian
- D Jurnal Jualan

9. Jurnal Am yang berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Kim.

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2021		RM	RM
Jan 1	Lengkapan	10 800	
	Akaun belum terima	5 120	
	Bank	2 800	
	Tunai	1 140	
	Akaun belum bayar		9 120
	Modal		M

Hitung nilai **M**.

- A RM10 740
- B RM19 860
- C RM28 980
- D RM30 480

10. Pilih pernyataan yang **betul** tentang maksud Catatan Kontra dalam Buku Tunai.
- A Peniaga memindahkan tunai peribadi ke dalam perniagaan
 - B Peniaga memindahkan tunai dari kedai ke dalam akaun bank
 - C Peniaga mengeluarkan tunai di bank untuk kegunaan peribadi
 - D Peniaga mengeluarkan tunai dari kedai untuk menjelaskan Akaun Belum Bayar
11. Encik Saiful, Pemilik Kedai Buku Maju tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Butir-butir berikut diambil daripada buku perniagaannya pada 31 Januari 2021.

	RM
Baki Akaun Belum Terima pada 1 Februari 2020	4 120
Diskaun diberi	230
Pulangan masuk	310
Hutang Lapuk	190
Penerimaan daripada Akaun Belum Terima	6 052
Baki Akaun Belum Terima pada 1 Februari 2021	2 420
Jualan tunai	2 021

Berapakah jumlah jualan?

- A RM3 061
 - B RM6 461
 - C RM7 103
 - D RM10 503
12. Kesilapan berikut telah dikesan dalam buku Perniagaan Mala.

Belian tunai RM860 tersilap rekod sebagai RM806

Apakah jenis kesilapan tersebut?

- A Kesilapan prinsip
- B Kesilapan amaun
- C Kesilapan komisen
- D Kesilapan saling mengimbangi

13. Maklumat berikut dipetik daripada buku Perniagaan Sharifah.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2021		
Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Belum Terima	10 500	
Peruntukan Hutang Ragu		420

Maklumat Tambahan:

Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan pada kadar 3% daripada Akaun Belum Terima Bersih.

Berapakah peruntukan hutang ragu yang akan direkodkan dalam Akaun Untung Rugi pada 31 Disember 2021 ?

- A Hasil RM105
 B Hasil RM315
 C Belanja RM105
 D Belanja RM315
14. Apakah lejar?
- A Buku yang merekodkan urus niaga secara tunai sahaja
 B Buku yang merekodkan hasil dan belanja sepanjang tahun
 C Buku yang merekodkan semua perbelanjaan untuk satu tempoh perakaunan
 D Buku yang mengandungi pelbagai jenis akaun untuk merekodkan pelbagai urus niaga
15. Apakah butir yang direkodkan sebagai aset semasa dalam Penyata Kedudukan Kewangan?
- A Kadar bayaran belum bayar
 B Sewa belum terperoleh
 C Susut nilai terkumpul
 D Inventori alat tulis
16. Apakah perbezaan antara Perakaunan Asas Tunai dan Perakaunan asas Akruan?

	Asas Tunai	Asas Akruan
A	Komisen direkod mengikut tempoh diperoleh	Komisen direkod Ketika penerimaan tunai
B	Kadar bayaran direkod Ketika pembayaran tunai	Kadar bayaran direkod dalam tempoh digunakan
C	Untung diperoleh daripada hasil tolak belanja sebenar	Untung diperoleh daripada hasil diterima tolak belanja dibayar
D	Sewa belum bayar ditolak daripada belanja sebenar	Sewa belum bayar diiktiraf sebagai belanja

17. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Koperasi Running Berhad.

Aset Bukan Semasa	Mesin Fotostat
Kos	RM7 000
Tarikh Beli	1 Januari 2020
Kadar Susut nilai	10 % setahun
Nilai buku pada 31 Disember 2021	RM5 600

Apakah kaedah pengiraan susut nilai yang diamalkan oleh Koperasi tersebut?

- A Garis lurus
 B Ansuran tetap
 C Penilaian semula
 D Baki berkurangan
18. Fairuz Enterprise mempunyai empat jenis barang niaga niaga yang belum dijual pada 30 April 2021. Maklumat berikut merupakan nilai kos dan harga pasaran bagi setiap jenis barang niaga.

Barang	Kos (RM)	Harga Pasaran (RM)
A	300	288
B	800	860
C	820	220
D	262	341

Berapakah nilai inventori akhir?

- A RM1 470
 B RM1 570
 C RM2 182
 D RM3 849
19. Aman adalah pemilik Perniagaan Amanah, beliau telah melantik seorang akauntan untuk menyiapkan akaun perniagaannya, berikut maklumat yang diperoleh daripada perniagaannya

Butir	RM
Inventori awal	10 000
Inventori akhir	20 000
Jualan	50 000
Belian	25 000
Angkutan masuk	600
Angkutan keluar	500
Insurans	400

Berapakah jumlah kos jualan?

- A RM16 500
- B RM16 100
- C RM16 000
- D RM15 600

20. Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Aleesya pada 31 Disember 2021.

	RM
Perabot	5 200
Susut nilai terkumpul perabot	1 040

Perabot tersebut dijual dengan harga RM4 420 pada 31 Disember 2021.

Berapakah untung atau rugi pelupusan tersebut?

- A Rugi pelupusan RM260
- B Rugi pelupusan RM780
- C Untung pelupusan RM260
- D Untung pelupusan RM780

21. Apakah tujuan analisis penyata kewangan?

- A Merancang mengawal masa depan perniagaan
- B Mengetahui kekuatan dan kelemahan perniagaan
- C Membuat keputusan mengikut matlamat perniagaan demi memaksimumkan keuntungan
- D Membantu pihak pengurusan menilai prestasi perniagaan dan seterusnya membuat keputusan kewangan perniagaan

22. Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Perabot Ahnaf dan Kedai Perabot Addin.

Nisbah	Kedai Perabot Ahnaf	Kedai Perabot Addin	Tafsiran
S	3.85 : 1	2.98 : 1	Keupayaan Kedai Perabot Ahnaf membayar hutang jangka pendek dengan segera berbanding Kedai Perabot Addin.

Apakah S?

- A Nisbah Semasa
- B Nisbah Ujian Asid
- C Tempoh Kutipan Hutang
- D Tempoh Pembayaran Hutang

23. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kedai Buku Rita pada 31 Disember 2021.

	RM
Inventori pada 1 Januari 2021	6 800
Inventori pada 31 Disember 2021	3 400
Jualan	35 000
Untung kasar adalah 20% daripada jualan	

Berapakah kadar pusing ganti inventori perniagaan berkenaan?

- A 2.74 kali
 B 5.49 kali
 C 6.86 kali
 D 8.24 kali
24. Apakah rekod minimum yang perlu disimpan oleh peniaga dalam kaedah perbandingan Rekod Tak Lengkap?
- I Aset awal tahun dan akhir tahun
 II Liabiliti awal tahun dan akhir tahun
 III Aset Semasa awal tahun dan akhir tahun
 IV Liabiliti Semasa awal tahun dan akhir tahun
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
25. Data berikut diambil daripada Perniagaan Sentosa.

	RM
Modal Awal	5 000
Modal Tambahan	1 800
Untung Bersih	3 880
Ambilan	890

Berapakah modal akhir Perniagaan Sentosa?

- A RM3 810
 B RM7 970
 C RM9 790
 D RM11 570

26. Apakah kepentingan belanjawan tunai kepada perniagaan?
- A Mengetahui baki akhir Akaun Bank
 - B Mengenal pasti kecairan tunai perniagaan
 - C Menunjukkan keadaan sebenar kewangan perniagaan
 - D Mengurangkan risiko penyelewengan dan kecurian tunai
27. Puan Siti memulakan Perniagaan Siti pada bulan Mei 2022. Berikut ialah petikan anggaran belanjawan bagi 3 bulan berakhir 31 Julai 2022.
- i. Puan Siti membawa masuk cek RM10 000 ke dalam perniagaannya.
 - ii. Jualan tunai bulan Mei berjumlah RM5 000 dan akan bertambah sebanyak 20% setiap bulan daripada bulan sebelumnya.
 - iii. Pinjaman bank berjumlah RM20 000 diterima pada bulan Julai.

Berapakan jumlah penerimaan Perniagaan Siti bagi bulan Mei, Jun dan Julai 2022?

	Mei (RM)	Jun (RM)	Julai (RM)
A	15 000	6 000	27 000
B	15 000	6 000	27 200
C	15 000	1 000	27 000
D	15 000	1 000	27 200

28. Petikan Buku Tunai dan Penyata Bank berikut diperoleh daripada Kedai Pancing Ferry Tackle pada 30 Jun 2021.

Buku Tunai (ruangan bank)			
	2020		RM
	Jun 15	Samad Trading	2 000

Penyata Bank					
Tarikh	Butir	No. Cek	Debit RM	Kredit RM	Baki RM
2021					
Jun 18	Deposit			2 000	

Cek yang diterima daripada Samad Trading telah tersilap catat di dalam Buku Tunai.

Apakah catatan yang perlu dilakukan di dalam Buku Tunai untuk membetulkan kesilapan tersebut?

- A Debit RM2 000
- B Debit RM4 000
- C Kredit RM2 000
- D Kredit RM4 000

29. Penyata Bank Safri Mart pada 28 Februari 2021 berbaki kredit RM2 400. Baki ini berbeza dengan baki Buku Tunai disebabkan perkara berikut:

- i Cek yang diterima daripada pelanggan berjumlah RM800 telah dipulangkan dengan nota 'rujuk penyuruh bayar'
- ii Pindahan kredit bernilai RM1200 diterima pada 18 Febuari 2021.

Berapakah baki akhir Buku Tunai?

- A RM4 400
 - B RM2 800
 - C RM2 000
 - D RM400
30. Apakah dokumen yang perlu dirujuk oleh pekongsi sekiranya tiada sebarang perjanjian dibuat semasa menubuhkan perniagaan mereka?
- A Perjanjian Perkongsian
 - B Akta Perkongsian 1961
 - C Akta Syarikat 2016
 - D Ikatan Perkongsian
31. Maklumat berikut diperolehi daripada Perkongsian Pablo dan Daniel pada 31 Disember 2021.

	RM
Untung bersih	8 000
Gaji Daniel	1 600
Faedah atas ambilan	800
Nisbah pembahagian untung rugi adalah 3:2	

Berapakah kongsi untung yang diterima oleh pekongsi?

	Pablo	Daniel
A	RM6 240	RM4 160
B	RM5 280	RM3 520
C	RM4 320	RM2 880
D	RM3 360	RM2 240

32. Maklumat berikut diperolehi daripada Perkongsian AMD pada 31 Disember 2021.

Pekongsi Aiman dan Masri masing-masing menerima gaji RM1 000 sebulan, manakala pekongsi Darwis menerima gaji sebanyak RM4 500 setiap suku tahun.

Berapakah jumlah gaji pekongsi dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi?

- A RM16 500
 - B RM28 500
 - C RM30 000
 - D RM42 000
33. Apakah kesan terhadap perniagaan jika salah seorang rakan kongsi meninggal dunia?
- A Perlu dibubarkan
 - B Boleh diambil alih oleh waris si mati
 - C Boleh diteruskan oleh rakan kongsi sedia ada
 - D Perlu menukar milikan perniagaan kepada milikan tunggal
34. Pada tarikh pembubaran, Akaun Modal Barvesh mempunyai baki kredit RM8 200. Beliau menanggung rugi realisasi sebanyak RM4 400 dan bersetuju mengambil alih sebuah kenderaan pada harga RM14 000.
- Berapakah jumlah tunai tambahan yang perlu dibawa oleh Barvesh untuk menampung kekurangan modalnya?
- A RM1 400
 - B RM10 200
 - C RM17 800
 - D RM26 600
35. Apakah persamaan antara pemegang syer biasa dengan pemegang syer keutamaan?
- A Menerima kadar dividen yang tetap
 - B Berhak untuk menerima tunggakan dividen
 - C Menerima dividen sekiranya sesebuah syarikat itu mendapat keuntungan
 - D Berhak mengundi untuk melantik Lembaga pengarah dalam Mesyuarat Agung Tahunan

36. Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Seri Ayu Bhd pada 31 Disember 2020.

Modal diterbitkan dan berbayar penuh	RM
1 500 000 unit Syer Biasa	750 000
425 000 unit 6% Syer Keutamaan	637 500

Berapakah harga seunit bagi setiap syer?

	Syer Biasa	6% Syer Keutamaan
A	RM2.00	RM0.67
B	RM1.50	RM0.50
C	RM0.50	RM1.50
D	RM0.67	RM2.00

37. Maklumat berikut diambil daripada Kelab Memanah Taman Awana.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2020		
	RM	RM
Yuran 2019	250	
Yuran 2020	4 000	
Yuran 2021	500	

Maklumat tambahan:

Yuran belum terima pada 31 Disember 2020 ialah RM1 000.

Berapakah nilai yuran ahli yang akan direkodkan ke dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun 2020?

- A RM3 750
- B RM4 000
- C RM4 750
- D RM5 000

38. Berikut adalah pernyataan tentang perbelanjaan hasil bagi sesebuah kelab dan persatuan

Suatu perbelanjaan yang dibayar setiap bulan bagi meneruskan aktiviti kelab

Apakah perbelanjaan tersebut?

- A Kadar bayaran
- B Honorarium
- C Yuran ahli
- D Royalti

39. Berikut adalah kos-kos yang terlibat dalam sebuah kilang pakaian.

- Penyelenggaraan mesin
- Gaji penyelia stor
- Minyak pelincir

Apakah komponen bagi kos tersebut?

- A Kos pengeluaran
 B Kos langsung
 C Kos overhead
 D Kos prima
40. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan sebuah kilang kerepek di Pitas pada 31 Disember 2021.

	RM
Alatan kilang	70 000
Insurans kilang	3 800
Gaji operator kilang	7 300
Sewa kilang	4 000
Kadar bayaran kilang	1 490

Maklumat tambahan:

- i. Susut nilai alatan kilang 15% setahun atas kos.
- ii. Kadar bayaran kilang belum bayar RM480.

Berapakah kos overhead?

- A RM19 790
 B RM20 270
 C RM27 090
 D RM27 570

SOALAN TAMAT